

B601  
MAHATHIR - JANJIJUMPA  
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SUPAYA BANK-BANK, PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, CUKAI PENDAPATAN DAN PIHAK-PIHAK LAIN MENGAMALKAN SISTEM JANJIJUMPA DI MANA SEGALA URUSAN DAPAT DISEMPURNAKAN SECARA SISTEMATIK TANPA MEMBAZIRKAN MASA RAKYAT.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN SISTEM SEUMPAMA ITU JIKA DILAKSANAKAN DAN DIIKUTI DENGAN TELITI AKAN MENAMBAHKAN MASA UNTUK KERJA-KERJA PRODUKTIF YANG LAIN.

DALAM UCAPANNYA DI PERASMIAN KEMPEN DAYA PENGELUARAN NEGARA, BELIAU BERKATA RAMAI ORANG YANG BERKUNJUNG KE JABATAN-JABATAN BERKENAAN ADALAH PEKERJA YANG PATUT BERADA DI PEJABAT ATAU KILANG MADING-MADING MENJALANKAN TUGAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SISTEM JANJIJUMPA YANG DICADANGKAN ITU HARUS DINIKMATI OLEH SEMUA ORANG UNTUK MENGELAKKAN TUDUHAN ATAU DISKRIMINASI.

BAGI MEREKA YANG PERGI KE JABATAN-JABATAN TERSEBUT TANPA JANJIJUMPA HENDAKLAH DIURUSKAN BERASINGAN, TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG  
1645/MK

B602  
MAHATHIR - JANJIJUMPA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENCADANGKAN SUPAYA KONTRAKTOR PROJEK PEMBINAAN SEMULA LEBUHRAYA PERSEKUTUAN MENJALANKAN KERJA BERPERINGKAT-PERINGKAT AGAR GANGGUAN TIDAK BERLAKU BEGITU KERAP SEPERTI SEKARANG.

MENURUTNYA KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN SEKARANG MENGAKIBATKAN KESESAKAN LALULINTAS YANG MENJEJASKAN ORANGRAMAI DATANG KERJA LEWAT.

PERDANA MENTERI JUGA MENGESYORKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA SEBAGAI WAKIL GOLONGAN PEKERJA SUPAYA BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DAN PENGURUSAN BAGI PEMBANGUNAN.

+SEBUAH NEGARA YANG MAKMUR AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN YANG LEBIH LAGI DARIPADA YANG DILANDA PERTIKAIAN ANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN,+ TEGASNYA.

MENGENAI PEMBANGUNAN NEGARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA HENDAKLAH SELARI DENGAN PEMBANGUNAN ROHANI DAN AKHLAK.

KATANYA KERAJAAN TIDAK MAHU NEGARA KEHILANGAN NILAI-NILAI SAYANG MENYAYANGI, KEBAIKAN HATI, PERTIMBANGAN DAN CINTA PADA TUHAN DALAM MENGEJAR KEBENDAAN. -- BERNAMA 1650/MK